



11 JAN, 2025

Struktur gaji, dasar halangan wanita dalam sektor tenaga



Struktur gaji, dasar halangan wanita dalam sektor tenaga

PUTRAJAYA: Struktur gaji tidak sama rata dan dasar tidak menyeluruh menghalang penyer-taan wanita dalam sektor peker-jaan di negara ini.

Pengerusi Yayasan Seri, Nu-rul Izzah Anwar berkata, ia juga mencerminkan ketidakseimba-ngan walaupun golongan wa-nita mendominasi graduan da-lam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) di peringkat universiti.

Beliau berkata, ketika ini, wanita merangkumi 53.2 peratus daripada graduan STEM di Malaysia namun, hanya mewak-ili 20 peratus tenaga kerja dalam sektor tenaga.

"Jurang gaji juga masih berlaku dan banyak jawatan kepimpinan masih sukar dicapai. Syukurlah, kadar penyertaan STEM men-capai 50.83 peratus pada tahun 2024, meningkat daripada 41.84 peratus pada tahun 2019.

"Namun, kita memerlukan lebih banyak usaha untuk men-capai sasaran 60,000 jurutera mahir Malaysia seperti yang ditetapkan dalam Strategi Se-mikonduktor Nasional (NSS)," katanya ketika menyampaik-an ucapan penutup *Women In Energy* di sini, semalam.



TETAMU tidak melepaskan peluang merakam gambar bersama Nurul Izzah Anwar pada Majlis Women In Energy di Hotel Marriot Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Bakat bukan halangan utama bagi wanita menceburi sektor tenaga sebaliknya kerajaan perlu menangani ketidaksamaan yang wujud itu secara mampan.

Nurul Izzah berkata, Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang diperkenalkan kerajaan amat penting namun, kebim-bangan mengenai pembiayaan dan

keberkesanan kawasan penyerap karbon harus menjadi keutamaan dalam usaha memastikan masa depan Malaysia terjamin.

"Kita mesti memastikan

bahawa masa depan diben-tuk mengikut keperluan dan kepentingan negara, di pering-kat nasional dan serantau.

"Walaupun kita mengutama-kan pelepasan sifar bersih, kita perlu sedar akan perubahan iklim dan keperluan pembia-yaan yang mencukupi un-tuk mekanisme adaptasi bagi melindungi industri, aset, dan perniagaan di semua peringkat.

"Negara seperti India, Bra-zil, dan Colombia telah me-nyuarakan rasa tidak puas hati, mencerminkan sentimen global mengenai komitmen kewangan yang tidak mencukupi untuk menangani krisis iklim yang se-dang berlaku," katanya.

Tegasnya peralihan tenaga mesti melangkaui proses dekar-bonisasi dan kemajuan teknolo-gi selain menumpukan kepada keadilan sosial, memastikan peluang tersedia kepada semua, tanpa mengira jantina, latar be-lakang, atau keadaan.

Katanya, program seperti MyWiE (*Women In Energy*) dan PETRONAS *Leading Women Network*, membuktikan bahawa struktur sokongan terancang boleh mencetuskan perubahan positif secara meluas.